

Imej Tebu dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif

(Sugar Cane images in Tamil Proverbs: A Semantic Inquisitive analysis)

TANGAPRABHU MURTHY* & MARY FATIMAH SUBET

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: tangaprabu@gmail.com

ABSTRAK

Peribahasa dicipta hasil daripada pengamatan masyarakat terhadap keistimewaan alam semula jadi. Peribahasa juga mempunyai makna tersurat dan tersirat. Penggunaannya dapat menggambarkan kehalusan masyarakat berbahasa. Kajian ini dilaksanakan untuk mengesan kewujudan falsafah dan akal budi masyarakat India dalam penciptaan peribahasa serta mengesan makna sebenar yang ingin dikemukakan dalam peribahasa masyarakat India. Kerangka teori yang digunakan untuk mencapai objektif kajian ini ialah teori semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Kajian ini ialah kajian kualitatif. Empat orang informan telah ditemu bual dan 25 data telah diperolehi. Dalam artikel ini, tiga data sahaja yang menggunakan imej tumbuhan tebu akan dibincangkan. Kajian mendapati penciptaan peribahasa masyarakat India amat berkait rapat dengan pengamatan mereka terhadap alam sekitar. Didapati juga, wujud maklumat falsafah dan akal budi masyarakat India dalam penciptaan peribahasa mereka. Makna sebenar yang dihajati juga dapat dirungkai setelah melalui tiga peringkat analisis dalam kaedah semantik inkuisitif. Akhir sekali, kajian sebegini lebih tinggi kesahannya kerana analisis makna menggunakan teori yang berwibawa. Kajian sebegini dapat menghuraikan makna implisit setiap peribahasa yang dicipta sehinggalah ke akal budi penuturnya.

Kata kunci: Peribahasa Tamil, semantik, semantik inkuisitif; falsafah dan akal budi penutur

ABSTRACT

Proverbs are created when people started to observe and understand the nature around them. Proverbs consist of literal meanings and implicated meanings. The way these proverbs have been said, portrays the beauty and smoothness of the language to which the proverbs belong. This research is mainly conducted to distinguish Indian community's intellectual and philosophical abilities in conveying direct and indirect meanings. The theoretical framework used in this research is inquisitive semantics by Nor Hashimah Jalaluddin (2014). This is a qualitative research. The researcher attained 25 datas by interviewing four (4) Indian informants. However, this research acquired only three 3 data in which the image of sugarcane has been used. Finding shows that the Indian community's proverbs are established from their observation towards nature and the Indian community has their own philosophical understanding and also intellectual standards in the creation of proverbs. Actual meanings behind the data used in this research have been successfully decoded using the theory of inquisitive semantics. In a nutshell, this study is highly justifiable as the theory used in this research is a renowned and authoritative theory.

Keywords: Tamil proverbs, semantics, inquisitive semantics, philosophy and mind

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons AttributionNonCommercial-ShareAlike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.

PENGENALAN

Menurut Za'ba (1965:165), "peribahasa ialah segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai sejak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya dan dipakai akan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan, dan pengajaran". Selain itu, penggunaannya mempunyai matlamat yang tersendiri, iaitu agar orang yang mendengar atau membacanya tidak mudah rasa tersinggung dalam sesebuah komunikasi. Peribahasa dikenali sebagai 'pazhamozhi' dalam bahasa Tamil. Menurut Parameswaran (2016), perkataan 'pazhamozhi' itu dapat dipisahkan kepada dua iaitu 'pazha' yang bermaksud keindahan bahasa yang diguna pakai sejak zaman dahulu dan perkataan 'mozhi' pula bermaksud bahasa. Beliau juga menyatakan bahasa orang dahulu lebih gemar menggunakan peribahasa atau 'pazhamozhi' itu untuk menyampaikan sesuatu hasrat tanpa menyinggung perasaan seseorang individu atau sekumpulan masyarakat dahulu mementingkan kesopanan dan keakraban yang juga menjadi budaya masyarakat India sehingga kini (Murthy dan Subet, 2018). Beliau juga menyatakan bahawa peribahasa Tamil muncul di